

## Kaedah Pengajaran Pengetahuan Agama Islam di Brunei Darussalam

HAJI MAIMUN AQSHA LUBIS  
ROSLAN HJ ASPAR

### ABSTRAK

*Kajian ini telah dijalankan di beberapa buah sekolah menengah di daerah Brunei-Muara. Di antara tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti kaedah-kaedah pengajaran yang paling popular dan selalu digunakan oleh guru-guru agama dan juga untuk mengenal pasti kaedah-kaedah pengajaran yang berkesan di dalam pengajaran Pengetahuan Agama Islam (PAI). Seramai 26 orang guru agama dan 148 orang pelajar telah terlibat di dalam kajian ini. Alat kajian yang digunakan ialah soal selidik untuk guru dan pelajar, temu duga untuk guru-guru dan pencerapan di dalam bilik darjah. Kajian ini mendapati beberapa kaedah pengajaran yang popular dan kerap digunakan di dalam pengajaran Pengetahuan Agama Islam iaitu kaedah penerangan, soal jawab, nasihat dan latih-tubi. Hasil utama kajian menunjukkan bahawa kaedah-kaedah yang paling berkesan dalam pengajaran Pengetahuan Agama Islam adalah kaedah nasihat, hafalan, bercerita dan lakonan. Sementara itu, aplikasi kaedah-kaedah ini berkesan kepada kepelbagaiannya tingkah laku dan sahsiah pelajar diantaranya ; berfikir dengan cara Islamik, mendorong minat pembelajaran, membantu pelajar mengamalkan ajaran-ajaran Islam, memperbaiki perangai dan akhlak mereka, membantu pelajar dalam menilai dan menyerap nilai-nilai Islam serta membina rasa tanggung jawab terhadap diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Selain daripada itu, dalam kajian ini didapati pengajaran guru-guru perempuan lebih berkesan daripada guru-guru lelaki.*

### ABSTRACT

*This research was conducted in secondary schools at Brunei-Muara district. Among the main purposes of the research were to find out the most popular methods and mostly used by the respective religious teachers and to identify the most effective teaching methodologies in teaching Islamic religious study. A group of 26 religious teachers and another group of 148 students were involved in this research. The research instruments, included: questionnaire for teachers and students, interview for teachers only and observation in the classroom. This study found out some of the most popular methods in the teaching of religious study, are explanation method, question and answer method, advise method and drill method. The most effective methods in teaching*

*Islamic religious study found are advise method, memorize method, story telling method and role play method. Meanwhile, the application of these methods effected some of students' behaviour and personality such as Islamic thought, to encourage students' interest in learning, helping them to practice Islamic teachings, to refine their attitudes and moral values, helping them to evaluate and inculcate the Islamic values and to develop their own responsibilities for their families and society. A part from that, this research also identified that female teachers educate more effectively than male teachers.*

## PENGENALAN

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), kerajaan Negara Brunei Darussalam amat menitik beratkan ajaran-ajaran Islam sebagai pegangan bagi setiap masyarakat khasnya bagi mereka yang menganut agama Islam. Matlamat pendidikan Islam adalah untuk melahirkan manusia yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Menurut Imam Al-Ghazali tujuan pendidikan Islam adalah untuk membawa individu ke arah pemantapan iman, pemikiran logik dan mampu membentuk disiplin diri. Tujuan akhirnya ialah untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu wata'ala bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat (Ghazali Darussalam 2000: 22). Sebagaimana Firman Allah yang bermaksud: "Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembahKu". (Qur'an, Al-Zariyat 51: 56).

Keberkesanan kaedah mengajar dan jalinan hubungan yang lebih mesra di antara guru dan pelajar di pusat-pusat pengajian dari peringkat rendah sehingga peringkat tinggi menjadi lebih penting supaya penyampaian pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lebih tersusun dan memudahkan pencapaian matlamat yang telah digariskan. Oleh itu, aspek keberkesanan kaedah yang digunakan, kemudahan yang sedia ada, sikap, persepsi, tingkahlaku dan sebagainya di antara kedua-dua golongan guru dan pelajar perlu dilandaskan kepada dimensi yang tepat dan betul.

Seorang guru semestinya mempunyai ciri-ciri yang mulia, kreatif, progresif, efektif dan memastikan perkembangan setiap individu pelajar bertambah maju dan mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran. Sekiranya ahli ilmu lembab dan tidak berfungsi secara sepatutnya, perkembangan dan keberkesanan ilmu dalam kehidupan masyarakat akan terjejas. Peranan guru juga adalah untuk mempertingkatkan segala potensi anak didik yang berada di bawah didikannya dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Jadi untuk peningkatan potensi ini secara padu maka guru memerlukan kepada kelengkapan diri yang cukup untuk memikul tanggungjawab itu (Abdul Halim 1986).

Menurut Azman (1987) menguasai kandungan pelajaran yang hendak diajar saja tidak akan menjamin prestasi pengajaran yang tinggi. Dalam hal ini satu aspek yang penting harus dikuasai ialah kaedah dan teknik bagaimana caranya

untuk menyampaikan isi pelajaran. Ini termasuklah teknik bilik darjah dan pendekatannya serta kaedah penyampaian mengikut jenis dan spesifikasi ilmu pengetahuan yang diajar agar ianya berkesan ke arah membentuk disiplin dan akhlak mulia para pelajar.

Namun hakikatnya kita sering terdengar dan terbaca di suratkhabar bahawa masalah keruntuhan disiplin dan akhlak di kalangan pelajar-pelajar Islam merupakan satu masalah yang sangat membimbangkan. Tambahan pula sistem yang berorientasikan peperiksaan menyebabkan pembentukan rohani pelajar-pelajar tidak diberikan perhatian oleh guru-guru. Hal ini telah menyebabkan penghayatan dan pengamalan terhadap ajaran Agama Islam telah diabaikan. Kenapakah pelajaran Agama Islam yang mereka pelajari di sekolah tidak memberikan kesan yang mendalam terhadap diri mereka. Apakah faktor yang menyebabkan terjadinya fenomena ini. Dalam situasi ini dinyatakan bahawa belum ada kaedah pengajaran yang diaplikasikan dapat menolong pengajaran dan pembelajaran kepada pencapaian tingkah laku dan sahsiah pelajar secara memuaskan. Terlebih-lebih terdapat rungutan bahawa kaedah pengajaran pengetahuan agama Islam belum mencapai tahap keberkesanan yang dikehendaki di sekolah-sekolah yang menjadi kajian ini.

Sementara itu, masih terdengar beberapa rungutan yang lain tentang guru yang bersifat kurang kreatif, penyampaian bahan yang membosankan, kaedah mengajar yang kurang berkesan yang mengakibatkan murid kurang berminat dalam mata pelajaran Agama Islam. Untuk membetulkan situasi seperti ini maka sewajarnyalah pelajaran pendidikan Islam dipersembahkan dengan cara inovatif, bahan yang menarik dan hidup, pendekatan, kaedah serta teknik yang sesuai dengan peringkat, kematangan, latar belakang pelajar dan matlamat pelajaran yang sedang diajar. Secara tidak langsung perkara ini dapat menggerakkan motivasi dalam pelajar untuk menarik minat mereka terhadap pelajaran Agama Islam. Di sinilah pula perlunya pendekatan mengajar yang positif, hidup dan berkembang agar nilai pelajaran Agama Islam menjadi lebih tinggi. Semua kejayaan ini memerlukan kepada kerajinan dan daya inovasi yang sentiasa berkembang dan berdaya maju mengikut keperluan semasa, perkembangan kematangan murid serta perkembangan ilmu dan teknologi moden. Untuk itu perlu dijalankan satu kajian untuk mengenalpasti sejauh manakah keberkesanan pengajaran pengetahuan Agama Islam supaya sama ada satu pemulihan atau peningkatan terhadap pengajaran matapelajaran tersebut dapat dijalankan.

Tujuan kajian adalah untuk melihat keberkesanan kaedah pengajaran Pengetahuan Agama Islam di Sekolah Menengah di Brunei Darussalam. Soalan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Bagaimanakah tahap keberkesanan pengajaran Pengetahuan Agama Islam di sekolah-sekolah menengah di daerah Brunei Muara?
2. Apakah kaedah-kaedah pengajaran yang popular dan kerap diguna oleh guru-guru agama di sekolah menengah dalam menyampaikan pelajaran Pengetahuan Agama Islam? dan adakah kaedah-kaedah popular ini berkesan?

3. Adakah kaedah-kaedah tertentu yang berkesan dalam pengajaran pengetahuan Agama Islam di sekolah-sekolah menengah di Negara Brunei Darussalam?
4. Adakah perbezaan kesan pengajaran Agama Islam di antara guru lelaki dengan guru perempuan?

### METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji telah mengedarkan soal selidik kepada seramai 26 orang guru agama yang mengajar di tingkatan lima dan seramai 148 orang pelajar tingkatan lima yang mengikuti pelajaran Pengetahuan Agama Islam. Bagi mengukuhkan hasil daptan daripada soal selidik, diadakan temu duga kepada seramai 14 orang guru-guru agama. Sebanyak 10 soalan temu duga telah dikemukakan kepada responden yang merangkumi aspek perkaedahan, bahan bantu, masalah-masalah yang dihadapi dalam pengajaran dan pihak-pihak yang terlibat dalam pengajaran Pengetahuan Agama Islam. Sementara itu juga telah dijalankan pencerapan kepada seramai 15 orang guru agama sepanjang pengajaran mereka di dalam bilik darjah. Tindakbalas responden di dalam soal selidik dihurai dalam bentuk deskriptif yang diproses mengikut kiraan kekerapan dan peratusan. Sementara hasil daptan daripada temu duga dan pencerapan dihuraikan dalam bentuk diskriptif dan peratusan.

Soal selidik kepada guru-guru agama dan para pelajar mengandungi 3 bahagian, iaitu bahagian A berkenaan perlaksanaan pengajaran Pengetahuan Agama Islam, Bahagian B tentang kaedah yang kerap dan popular digunakan dan bahagian C berkenaan kaedah-kaedah pengajaran yang berkesan.

Dapatkan kajian dijangka akan mengenalpasti tahap keberkesanannya tertentu dalam pengajaran dan pembelajaran Pengetahuan Agama Islam dan juga beberapa kaedah-kaedah pengajaran yang popular yang selalu diguna oleh guru-guru agama.

### DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pengajaran Pengetahuan Agama Islam yang dijalankan di sekolah-sekolah menengah di daerah Brunei-Muara berada pada tahap yang sederhana iaitu tahap keberkesanannya belum mencapai tahap yang maksima. Daripada dapatkan hasil temu duga, guru-guru agama memberikan pendapat mereka bahawa untuk mempertingkatkan lagi keberkesanannya pengajaran Pengetahuan Agama Islam antaranya ialah:

1. Hendaklah selalu mengadakan kerja berkumpulan, perbincangan dan guru sebagai pemudah cara.
2. Mewujudkan pendidikan bersepada atau pendidikan merentasi kurikulum, untuk mengembangkan lagi ilmu pengetahuan dan minda pelajar-pelajar,

- mereka perlu didedahkan dengan pembelajaran di luar bilik darjah atau di luar sekolah.
3. Pihak-pihak yang berkenaan, seperti pihak Radio Televisyen Brunei dan pihak Kementerian Agama hendaklah membuat pita video dan cekera padat yang sesuai dengan tajuk-tajuk pelajaran untuk menambahkan lagi kefahaman pelajar-pelajar.
  4. Mengadakan kursus-kursus bagi guru-guru agama yang mengajar pelajaran Pengetahuan Agama Islam.
  5. Untuk menarik minat pelajar-pelajar, buku-buku teks pelajaran Pengetahuan Agama Islam hendaklah diperbaharui serta mempunyai gambar-gambar yang bersesuaian dan menarik.
  6. Guru-guru agama hendaklah banyak menggunakan bahan bantu mengajar dalam pengajaran mereka.
  7. Pihak sekolah hendaklah menyediakan kemudahan-kemudahan lain yang mencukupi seperti lut sinar (OHP), bilik pandang dengar, video, televisyen dan lain-lain.

Menurut pendapat mereka jika 7 perkara di atas dapat dilaksanakan oleh pihak-pihak yang terlibat sedikit sebanyak akan dapat mempertingkatkan lagi tahap keberkesanan pengajaran Pengetahuan Agama Islam terhadap diri pelajar-pelajar. Di samping itu juga menurut guru-guru agama beberapa pihak yang lain juga semestinya memainkan peranan mereka dan ikut serta untuk mempertingkatkan keberkesanan pengajaran agama Islam. Pihak-pihak tersebut ialah ibu bapa dan keluarga pelajar sendiri, Kementerian Hal Ehwal Agama melalui Jabatan Haji, Jabatan Syariah, Baitul Mal dan Pusat dakwah Islamiah, Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Radio dan Televisyen Brunei melalui syarahan-syarahan agama, perbincangan dan forum-forum agama.

Kajian juga menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 4 kaedah pengajaran yang kerap dan popular digunakan oleh guru-guru agama dalam pengajaran Pengetahuan Agama Islam. Kaedah-kaedah tersebut ialah kaedah penerangan (84.5%), soal-jawab (75.6%), nasihat (73.6%) dan latih tubi (69.6%). Sementara kaedah-kaedah pengajaran yang jarang atau kurang popular digunakan oleh guru-guru agama ialah kaedah pandang dengar, lawatan, lakonan, penyelesaian masalah, imlak, demonstrasi/amali, hafalan dan bercerita.

Dapatkan lain juga menunjukkan bahawa seramai 5 orang guru (19.2%) kerap menghadapi masalah penggunaan kaedah-kaedah pengajaran dari segi masa atau period mengajar. Hal ini disebabkan masa atau period mengajar terlalu singkat iaitu satu masa/period sahaja sementara itu tedapat pelajar yang ramai dalam sebuah bilik darjah. Oleh itu guru-guru terpaksa menggunakan kaedah-kaedah pengajaran yang mudah serta menjimatkan masa.

Selain daripada itu penggunaan perkaedahan yang mudah ini berlaku kerana kurangnya pendedahan guru-guru terhadap kursus, bengkel dan seminar tentang perkaedahan pengajaran agama. Seramai 16 orang (61.5%) daripada mereka pernah

menghadiri atau diberi kursus, bengkel atau seminar yang diadakan sehari. Manakala seramai 10 orang (38.5%) tidak pernah mengikutinya. Oleh itu seramai 24 orang guru (92.3%) bersetuju bahawa pihak-pihak yang berkenaan seperti pihak Kementerian Pendidikan atau pihak sekolah amat perlu mengadakan kursus, bengkel atau seminar mengenai penggunaan perkaedahan pengajaran agama yang berkesan.

Hasil maklumat daripada temu bual pula didapati seramai 8 orang guru agama (57.1%) telah berpuas hati dengan kaedah pengajaran agama yang telah mereka gunakan dalam pengajaran Pengetahuan Agama Islam. Di antara ciri-ciri yang mereka berpuas hati ialah kaedah pengajaran yang mereka gunakan boleh disesuaikan dengan isi pelajaran, dikatakan bahawa pelajar-pelajar mudah memahami isi pelajaran yang telah disampaikan. Sementara itu seramai 6 orang (42.9%) tidak berpuas hati dengan kaedah pengajaran yang mereka gunakan kerana terdapat sesetengah isi pelajaran tidak sesuai dengan kaedah pengajaran yang mereka ajarkan. Hal ini adalah disebabkan kekurangan bahan bantu mengajar seperti lut sinar (OHP), komputer, peta, gambar tempat-tempat bersejarah, bilik sumber serta buku teks yang masih menggunakan ejaan lama. Menurut pemerhatian pengkaji, perkara ini terjadi disebabkan ramai di antara guru-guru yang mahu menggunakan bahan-bahan bantu mengajar yang tersebut di atas, seperti guru-guru mata pelajaran lain sementara bilangan bahan-bahan tersebut sangat terhad disediakan oleh pihak sekolah.

Sementara itu terdapat empat kaedah pengajaran yang berkesan terhadap pelajar. Kaedah-kaedah tersebut ialah kaedah nasihat, kaedah hafalan, kaedah bercerita dan kaedah lakonan. Kaedah-kaedah tersebut berkesan kepada diri pelajar-pelajar dengan memberi kesan kepada mereka untuk berfikir dengan cara yang Islamik, dapat mendorong minat mereka untuk mempelajari Pengetahuan Agama Islam, membantu mereka mengamalkan ajaran-ajaran Islam, memperbaiki perangai dan akhlak mereka, membantu mereka dalam menilai dan membersihkan pribadi, membina rasa tanggung jawab mereka terhadap diri sendiri, keluarga dan masyarakat serta dapat membantu mereka untuk berakhlik baik (Jadual 1)

Sementara kaedah-kaedah pengajaran yang didapati kurang berkesan ialah kaedah penerangan/kaedah syarahan, kaedah soal-jawab, kaedah bacaan, kaedah imlak/rencana, kaedah perbincangan/diskusi, kaedah lawatan, kaedah penyelesaian masalah, kaedah latih tubi dan kaedah pandang dengar. Walau bagaimanapun menurut penulis kaedah-kaedah tersebut boleh digunakan dalam pengajaran Pengetahuan Agama Islam dengan cara penggabungan/jalinan dengan kaedah-kaedah yang lebih berkesan.

Dari hasil dapatan kajian soal selidik di atas dapat disimpulkan bahawa diantara 4 kaedah-kaedah yang kerap dan popular diguna oleh guru-guru agama iaitu kaedah penerangan, soal-jawab, nasihat dan latih tubi, hanya kaedah nasihat sahaja yang berkesan bagi pelajaran Pengetahuan Agama Islam. Dengan ini dapat juga disimpulkan bahawa tiga daripada kaedah-kaedah yang kerap dan popular digunakan belum mencapai tahap keberkesanannya yang diingini.

JADUAL 1. Kaedah pengajaran yang berkesan dan kepelbagaiannya item yang keberkesanannya

Bil	Kaedah Pengajaran	Item-Item Yang Berkesan Kepada Pelajar	Tahap
1.	Nasihat	Pelajaran Pengetahuan Agama Islam yang disampaikan dengan kaedah nasihat memberi kesan kepada saya untuk berfikir dengan cara yang Islamik.	AB
2.	Hafalan	Tajuk-tajuk pelajaran dalam buku Pengetahuan Agama Islam yang disampaikan dengan kaedah hafalan dapat mendorong minat saya.	B
3.	Bercerita	Pelajaran Pengetahuan Agama Islam yang disampaikan dengan kaedah bercerita membantu saya mengamalkan ajaran-ajaran Islam.	AB
4.	Lakonan	Pelajaran Pengetahuan Agama Islam dapat memperbaiki perangai dan akhlak saya. Pelajaran Pengetahuan Agama Islam membantu saya dalam menilai dan menyerapkan nilai-nilai Islam Pelajaran Pengetahuan Agama Islam membina rasa tanggung jawab saya terhadap diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Pelajaran Pengetahuan Agama Islam membantu saya dalam menyesuaikan diri dengan masyarakat. Pelajaran Pengetahuan Agama Islam senang serta memudahkan saya untuk memahaminya. Pengajaran Pengetahuan Agama Islam telah membantu saya dalam mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan sehari-hari. Pengajaran Pengetahuan Agama Islam membantu saya dalam berakhlik baik.	AB B B B B B B AB

AB = Amat Berkesan B = Berkesan

Daripada hasil selidik keberkesanannya kaedah juga didapati bahawa terdapat perbezaan keberkesanannya kaedah pengajaran agama berdasarkan jantina guru yang mana pengajaran guru perempuan lebih berkesan daripada guru lelaki.

Kebolehan guru-guru dalam memilih kaedah-kaedah pengajaran yang berkesan dalam pengajaran adalah sangat berperanan dalam membentuk sikap pelajar-pelajar dalam bertingkah laku secara positif. Hal ini adalah penting kerana mereka sentiasa berinteraksi dengan persekitaran sekolah dan masyarakat. Fenomena ini dianggap bahawa interaksi antara guru dengan pelajar dengan penggunaan kaedah-kaedah pengajaran yang tepat akan dapat mempertingkatkan

lagi kepelbaaan tingkah laku dan sahsiah pelajar ke arah yang lebih membina dan positif.

Penerimaan pengajaran seseorang guru banyak dipengaruhi dan ditentukan oleh kaedah pengajaran serta cara penyampaian kaedah yang bersistematik. Dalam kajian ini keberkesanan suatu kaedah pengajaran yang digunakan dalam pengajaran Pengetahuan Agama Islam merupakan hal yang sangat penting terutama terhadap pembinaan tingkah laku dan sahsiah pelajar. Hasil dapatan kajian mempunyai implikasi kepada kepentingan penggunaan kaedah pengajaran yang berkesan dalam meningkatkan tingkah laku dan sahsiah pelajar yang mulia di samping kejayaan pencapaian akademik mereka. Peningkatan penggunaan kaedah-kaedah yang berkesan dalam pengajaran Pengetahuan Agama Islam (PAI) amat digalakkan terutama bagi guru-guru lelaki.

Kaedah pengajaran agama yang digunakan selama ini masih berada pada tahap yang sederhana kerana kebanyakan guru-guru menggunakan kaedah-kaedah pengajaran yang sama dan dianggap popular di kalangan mereka serta mudah untuk diaplikasikan. Sementara itu bukanlah semua kaedah yang popular dan kerap digunakan tersebut merupakan kaedah yang paling berkesan terhadap para pelajar dalam membentuk tingkah laku dan sahsiah mereka.

Selari dengan dapatan dan perbincangan kajian mengenai keberkesanan kaedah pengajaran agama di sekolah-sekolah menengah tingkatan lima daerah Brunei-Muara di Negara Brunei Darussalam dapat disimpulkan seperti berikut:

1. pembentukan sikap positif guru-guru dalam penggunaan kaedah mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran banyak ditentukan oleh tahap kemahiran guru-guru dalam mengendalikan isi pelajaran dan cara penyampaian pengajaran dengan menggunakan kaedah-kaedah yang sesuai.
2. sebagaimana kaedah hafalan yang berkesan terhadap diri dan pencapaian pelajar-pelajar, maka keputusan ini sama seperti keberkesanan kaedah Taqlidiyah dalam kemahiran kefahaman (Maimun Aqsha Lubis 2003).
3. kebanyakan guru-guru pelajaran Pengetahuan Agama Islam menggunakan kaedah gabungjalin (elektik) dalam pengajaran mereka. Kaedah gabungjalin (elektik) ini juga sangat baik dan berkesan digunakan dalam pengajaran Pengetahuan Agama Islam iaitu dengan cara menggabungjalinkan di antara kaedah-kaedah yang berkesan yang telah dikenalpasti kebaikannya masing-masing. Kaedah Elektik Sistematis ini juga didapati berkesan terhadap diri dan pencapaian pelajar-pelajar dalam kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis (Maimun Aqsha Lubis 2003).

RUJUKAN

- Al-Qur'an dan Tafsir Pimpinan Al Rahman. 1997. Terbitan Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Malaysia. Dini Press Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Abdul Halim El-Muhammady. 1986. Peranan guru dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Islam* 1(4): 1.
- Azman Wan Chik. 1987. *Kaedah hayati amali: Satu pendekatan mengajar Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur. Karya Bistari Sdn. Bhd.
- Ghazali Darusalam. 2001. *Pedagogi Pendidikan Islam*, Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Maimun Aqsha Lubis. 2003. *Satu perbandingan kesan tiga kaedah pengajaran bahasa Arab terhadap pencapaian kemahiran bahasa di Pusat Matrikulasi UIAM*. Bandar Seri Begawan: DBP.

Haji Maimun Aqsha Lubis

Roslan Hj Aspar

Jabatan Perkaedahan & Amalan Pendidikan

Fakulti Pendidikan

43600 UKM Bangi

Selangor Darul Ehsan